

30 SEP 1998

AGONG KIRIM PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN CHINA

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar mengirim perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat China Jiang Zemin sempena ulang tahun ke-49 negara itu menjadi republik.

Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah juga mengalu-alukan Zemin, yang akan menghadiri mesyuarat pemimpin forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di sini bulan depan, demikian menurut kenyataan Kementerian Luar, di sini hari ini.

"Lawatan seumpama itu akan mengeratkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara," titah Tuanku Ja'afar.

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad dalam perutusannya kepada Perdana Menteri republik itu Zhu Rongji, berharap agar rakyat negara itu dapat terus menikmati keamanan dan maju di bawah kepimpinan Rongji.

"Saya yakin kita boleh memperluaskan hubungan, sejajar dengan cabaran alaf baru," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga mengirim perutusan ucap selamat kepada rakan sejawatannya Tang Jiaxuan.

"Adalah menjadi harapan saya kerja sama dan persefahaman antara kedua-dua negara dapat dipertingkatkan," katanya.

-- BERNAMA

NHZ RI